

18 AUG 2003

RAFIDAH-WTO

MALAYSIA MAHU PASTIKAN WTO TIDAK UNTUNGAN NEGARA MAJU SAHAJA

KUALA KANGSAR, 18 Ogos (Bernama) -- Malaysia akan memastikan setiap perundingan dalam Pertubuhan Perdagangan Sedunia (WTO) mematuhi prinsip-prinsip yang telah ditetapkan supaya tidak berat sebelah kepada negara-negara maju.

Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri, Datuk Seri Rafidah Aziz hari ini berkata, setiap isu rundingan WTO tidak boleh lari dari prinsip-prinsip asasnya iaitu keseimbangan, kepentingan dan fleksibiliti yang memberikan ruang kepada negara-negara sedang membangun.

Katanya, ini bermakna rundingan itu lebih kepada negara-negara yang belum membangun di mana mereka mempunyai kepentingan-kepentingan asas untuk mendapat pasaran.

"Negara-negara kecil patut diberikan akses yang lebih oleh negara-negara besar," katanya kepada pemberita selepas merasmikan Mesyuarat Agong Koperasi FELCRA di Kompleks FELCRA Kampung Bendang Kering, di sini.

Umpamanya, katanya, barangan yang menjadi kepentingan mereka (negara-negara kecil) seperti barang-barang pertanian patut diutamakan. Negara-negara kecil tiada barang-barang industri dan mereka hanya ada barang pertanian sebagai barang-barang asas mereka.

Pada Dialog Antarabangsa Selatan Afrika (SAID-Global 2003) di Ezulwini, Swaziland yang berakhir semalam, Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dan Presiden Mozambique, Joachim Chissano telah diberi kepercayaan mengemukakan pendirian tegas SAID Global 2003 berhubung isu perdagangan global pada mesyuarat WTO di Cancun, Mexico, bulan depan.

Perdana Menteri berkata, ia memberi peluang kepada pergerakan itu menyampaikan pendirian dalam satu suara supaya hak negara membangun tidak diketepikan.

Rafidah yang juga Ahli Parlimen Kuala Kangsar berkata, beliau yakin pendirian itu akan dihantar terus kepada WTO dan beliau sendiri akan menyampaikan hasrat tersebut pada mesyuarat WTO itu kerana prinsip-prinsip perundingan WTO amat penting untuk dipatuhi.

"Apa yang menjadi pertikaian utama sekarang ialah berkaitan isu-isu sekatan-sekatan kepada pasaran barangan negara-negara membangun. Ia bukan sahaja pertanian tetapi juga dalam soal ubat-ubatan di mana Amerika Syarikat mahu ditentukan lebih awal senarai penyakit-penyakit yang boleh dibenarkan perlesenan wajib.

"Kita berpendapat tidak payah tunggu senarai itu dilengkapkan dahulu, benarkan sahaja perlesenan wajib. Mungkin tentukan dua tiga jenis penyakit yang benar-benar wabak seperti AIDS. Penyakit lain tentukan kemudian," katanya.

Beliau berkata, semua negara perlu sedar mereka tidak boleh lari dari hakikat bahawa semua prinsip wajar menjadi asas kepada setiap perundingan dan jika tidak diikuti banyak negara tidak akan setuju dalam apa juga isu.

"Prinsip-prinsip tadi boleh diterjemahkan kepada kadar potongan cukai berlainan dan kadar-kadar tarif yang berbeza antara negara maju dengan bukan maju. Pertimbangan yang lebih tinggi kewajarannya kepada negara belum maju.

"Yang baiknya dalam WTO satu sahaja. Jika ada sebuah negara sahaja yang tidak setuju, dalam apa juga keadaan, rundingan itu tidak akan menjadi. Ia memerlukan 100 peratus persetujuan sebulat suara yang jelas," katanya.

Rafidah berkata, bagi Malaysia, ia hanya akan bersetuju dengan sesuatu rundingan itu jika ia benar-benar diyakini akan dapat memberi faedah dari

apa yang dirundingkan.

"Kita akan setuju jika faedah jauh lebih banyak daripada kos. Kalau kos lebih dari faedah kita tidak akan terima. Kos memang ada tapi hanya kos yang kecil. Jika kita boleh mendapat lebih daripada yang kita akan rugi, kita akan bersetuju tetapi jika rugi lebih daripada faedah yang diperolehi, kenapa kita mesti bersetuju? Kita akan buat analisis faedah kos terlebih dahulu," katanya.

-- BERNAMA

KAY AHM